



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 53 / 2020**

### **ORANG RAMAI DIMINTA TIDAK PERCAYA MESEJ YANG DITULARKAN MENGENAI PENDAFTARAN PENGUNDI BERUSIA 18 TAHUN**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan terdapat usaha giat oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang cuba mengelirukan orang ramai berkenaan gesaan untuk pendaftaran pengundi berusia 18 tahun.
2. Berhubung mesej tular yang mendakwa kononnya kenyataan daripada Pengerusi SPR bahawa terdapat seramai 4.5 juta rakyat Malaysia yang layak masih belum berdaftar sebagai pemilih khususnya pendaftaran untuk warganegara yang berusia 18 tahun adalah tidak berasas. Hakikatnya, warganegara yang berusia 18 tahun ini masih belum dibenarkan mendaftar sebagai pengundi.
3. Ini adalah kerana pada masa ini SPR sedang dalam persiapan untuk melaksanakan pendaftaran pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas. Persiapan tersebut termasuklah penyediaan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan *Standard Operating*

*Procedures* (SOP) dan penyediaan sistem dan infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik. SPR menjangkakan semua perkara ini akan dapat disiapkan dalam tempoh 18 hingga 24 bulan dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019. Jangkaan tarikh pelaksanaan tersebut adalah selewat-lewatnya pada bulan Julai 2021.

4. Sehubungan dengan itu, orang ramai diminta supaya tidak terpengaruh dan tidak menyebarkan mesej-mesej palsu tersebut termasuklah perkongsian di media sosial kerana dikhuatiri boleh menimbulkan kekeliruan kepada orang ramai. Malahan tindakan menyebarkan maklumat tidak benar dan berunsurkan perkauman ini boleh mengganggu gugat ketenteraman awam dan tindakan perundangan boleh diambil ke atas mereka yang terlibat.

Sekian, harap maklum.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh: 10 September 2020 / 22 Muharam 1442H